

Tandingan silat: Kenapa periksa dokter diwajibkan

¹ **SETIAP** peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan silat anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) diharuskan menjalani pemeriksaan doktor bagi memastikan keayakan mereka.

Peraturan itu telah dipersetujui oleh Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) dalam satu pertemuan dalam 1981, bila Persisi membentangkan satu kertas kerjanya, kata Setiausaha Agung badan silat nasional itu, Encik Johari M Urif.

Justeru itu, seramai 144 orang peserta yang memohon untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Silat Nasional Persatuan Rakyat (PA) telah diberitahu supaya menjalani pemeriksaan itu di ibu pejabat PA di Kallang Sabtu lalu.

Encik Johari menambah pengalaman Persisi semasa menganjurkan pertandingan silat nasional dalam 1979 menunjukkan adalah lebih baik bagi

² setiap peserta dikenakan ujian jasmani untuk memastikan taraf kesihatan mereka sebelum ikut bertanding.

Dalam pertandingan tahun itu, katanya, tiga atau empat orang peserta telah mengadu sakit setelah pertandingan dan ingin mendapatkan rawatan.

Tilam judo

Bagi mengelakkan keadaan serupa itu dari berulang, Persisi kemudian menetapkan supaya sistem ujian jasmani dan pemeriksaan doktor itu dilakukan secara menyeluruh bagi rantau ini.

Beliau juga berkata dengan mengenakan

³ peraturan seperti itu dan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi para peserta untuk menjalani pemeriksaan doktor, ia lebih memudahkan mereka kerana para doktor di klinik-klinik privat "mengenakan bayaran sekurang-kurangnya \$20".

Menyentuh tentang pertandingan nasional PA hujung April nanti, Encik Johari yang juga setiausaha jawatankuasa penganjur, berkata mereka akan menggunakan tilam sukan judo bagi para peserta.

Semua langkah tersebut adalah untuk menjamin keselamatan para peserta dan memastikan pertandingan itu berjalan dengan sempurna, tambah beliau lagi.



ENCIK JOHARI

Kesungguhan peserta2 diperlukan

⁴ **K**ETIDAK-HADIRAN Korang calon bagi pertandingan silat Persatuan Rakyat (PA) yang telah mendaftarkan diri adalah satu perkara yang serius, lebih-lebih lagi bila pihak penganjur telah menekankan bahawa masa depan pertandingan itu banyak bergantung pada hasil acara tahun ini.

Sebab utama yang diberikan oleh kebanyakan peserta yang tidak hadir itu langsung tidak meyakinkan.

⁵ **Nadi Bella** berpendapat bahawa mereka harus meletakkan kesungguhan dalam mengikuti pertandingan yang pertama kali dianjurkan oleh PA itu.

Sikap yang sungguh-sungguh ini perlu, memandangkan bahawa untuk menganjurkan pertandingan serupa itu bukanlah mudah. Banyak belanja diperlukan.

Jika hasil dari pertandingan itu napti tidak setimpal dengan usaha-usaha yang dilakukan, **Nadi Bella** kluatir ia akan menjejaskan peluang rakan-rakan beliau untuk mendapat peluang bagi mengikuti pertandingan serupa itu di masa-masa akan datang.

Mungkin rakan beliau di balai-balai rakyat tidak melihat betapa pentingnya pertandingan itu dalam

⁶ meninggikan taraf "permainan" silat di republik ini terutama di kalangan beliau yang menjadikan balai-balai rakyat sebagai pusat kegiatan mereka.

Menerusi perbualan dengan beberapa orang rakan di balai rakyat, terutama mereka yang telah pernah bertungkus-lumus sebelum ini untuk menganjurkan atas usaha sendiri pertandingan silat serupa itu, **Nadi Bella** mendapati bahawa mereka meletakkan harapan besar ke atas pertandingan tersebut.

Diatur

Bayangkanlah bagaimana mudahnya rakan beliau boleh mengambil bahagian dalam pertandingan silat serupa itu tanpa mengeluarkan keringat melainkan ketika berlatih dan bertanding.

Pendek kata, semua kerja menyelenggarakan pertandingan telah diatur. Rakan beliau hanya diperlukan membawa badan yang sihat dan kecekapan untuk mengambil bahagian.

Jadi, bila ramai dari rakan beliau tidak menghadirkan diri dalam ujian kesihatan dan pemeriksaan doktor yang dijalankan, ia bukan saja membimbangkan malah memberi pertanda yang kurang baik juga.